

Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SBE), Universiti Putra Malaysia (UPM) mencipta sejarah apabila menjadi sekolah perniagaan dan ekonomi pertama selain satu-satunya di Malaysia menerima pengiktirafan daripada Association of MBAs (AMBA).

Pengiktirafan itu, sekali gus melengkapkan status Triple Crown Accreditation, gabungan tiga badan akreditasi perniagaan terkemuka dunia iaitu AMBA (United Kingdom), AACSB (Amerika Syarikat) dan EQUIS (Eropah).

Menerusi pencapaian ini, SBE UPM menjadi antara 120 sekolah perniagaan di dunia daripada lebih 13,000 institusi yang memperoleh pengiktirafan bertaraf antarabangsa berkenaan, sekali gus meletakkan SBE sebaris institusi ternama

Pengiktirafan lonjak SBE UPM di mata dunia



MENTERI Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Diraja Zambray Abdul Kadir (tengah, kanan) ketika mengumumkan pengiktirafan Triple Crown bagi SBE UPM.



INSTITUT pertama dan satu-satunya di Malaysia peroleh pengiktirafan Triple Crown bertaraf dunia.

dunia seperti London Business School, INSEAD dan HEC Paris.

Naib Canselor UPM, Datuk Profesor Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah berkata, akreditasi itu

membuktikan universiti awam Malaysia mampu mencapai standard pendidikan bertaraf dunia.

Katanya, ia selari dengan aspirasi UPM menjadi universiti bereputasi tinggi

serta menyokong usaha negara dalam menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi global.

“Pencapaian ini turut menyumbang kepada matlamat

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) dalam memperkuuh kedudukan Malaysia di peringkat antarabangsa.

“Status ini memberi

kelebihan strategik kepada SBE, UPM dalam menarik penyelidik, pensyarah dan pelajar berkualiti tinggi dari seluruh dunia serta memperluas jaringan kerjasama industri dan akademik di peringkat global,” katanya.

Sementara itu, Dekan SBE, UPM, Profesor Dr Bany Ariffin Amin Noordin berkata, pencapaian itu bukti pengiktirafan antarabangsa terhadap dedikasi keseluruhan ekosistem akademik SBE dan UPM.

“Kami komited menjadi peneraju pendidikan perniagaan di Asia Tenggara dan terus menyumbang kepada pembangunan negara melalui pendidikan, penyelidikan dan inovasi yang berorientasikan masa depan,” katanya.